



INFO UNI GUBALAN

Bahagian Perkhidmatan Teknik,
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia

Laman web : www.customs.gov.my

NOTIS PEMBERITAHUAN

Notis: 1/2008

Edaran Luaran

Mac 2008

Pindaan Undang-Undang dan Subsidiari Yang Ditadbir Oleh Kastam Diraja Malaysia


Notis ini bertujuan untuk memberi maklumat dan panduan kepada pelanggan-pelanggan Jabatan. Sepanjang tahun 2007, Ibu Pejabat Kastam telah mengeluarkan sebanyak 52 pindaan ke atas Akta, Peraturan, Perintah dan Pemberitahuan seperti dilampirkan.


Pindaan-pindaan tersebut boleh dibeli daripada Percetakan Nasional Berhad, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur, No. Tel : 03-92212022/
No. Faks : 03-92238941.

Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai-pegawai berikut:

- ❖ Tuan Ong Guan Sai - 03-88822512
- ❖ Tuan Abdul Ghani bin Saruji - 03-88822518
- ❖ Puan Samsath Begum bin Salihoo - 03-88822858
- ❖ Puan Hjh. Balkhis binti Wahab - 03-88822511
- ❖ Tuan Mohd. Faizal bin Ripin - 03-88822519


No. Fax – 03-88895909






PINDAAN TAHUN 2007

BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH KIKUASA	NOMBOR P.U.
1	Peraturan-Peraturan Cukai Juatan (Pindaan) 2006	Perintah utk meringankan aliran tunai (cash flow) pemegang lesen CJ.	31.12.2006	1.1.2007	PU(A) 441
2	Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2006	Perintah utk meringankan aliran tunai (cash flow) pemegang lesen CP.	31.12.2006	1.1.2007	PU(A) 442
3	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)(Pindaan) 2007	Perintah atas cadangan Lembaga Racun Makhluk Perosak untuk menambah jenis racun di bawah butiran 22 dan 23 Bahagian I, Jadual Keempat.	8.3.2007	8.3.2007	PU(A) 100
4	Perintah Kastam (Nilai-Nilai Kenderaan Motor Pasang Siap Yang Diimport)(Baru)(Pindaan) 2007	Utk. kemas kini nilai beberapa model kenderaan sedia ada dan tetapkan nilai beberapa model yang baru.	15.3.2007	15.3.2007	PU(A) 107
5	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN)(Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan sama rata)(Pindaan) 2007	Perintah untuk memansuhkan duti import CEPT selaras dengan persetujuan negara anggota ASEAN untuk mempercepatkan proses integrasi ekonomi serantau ke atas 11 sektor barangan dan perkhidmatan utama sebagai salah satu langkah ke arah merealisasikan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang 2015. Dengan pelaksanaan pindaan ini 80% barisan tarif menikmati CEPT pada kadar 0%.	15.3.2007	1.1.2007	PU(A) 116




BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH KIKUASA	NOMBOR P. U.
6	Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) 2007	Pengisytiharan YB Menteri menubuhkan suatu zon perdagangan bebas di bawah subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990.	29.3.2007	29.3.2007	PU(B) 97
7	Pemberitahuan Zon Bebas (Pindaan) 2007	Pindaan ke atas jadual Pertama Akta Zon Bebas 1990, bagi mewartakan aktiviti(perdagangan) yang dibenarkan oleh YB Menteri di bawah subseksyen 10(2) Akta.	29.3.2007	29.3.2007	PU(B) 96
8	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun) (Pindaan) 2007	Utk. tetapkan kadar konsensi baru bagi barisan tarif baru selepas struktur semula dan membetulkan kesilapan.	29.3.2007	13.7.2006	PU(A)142
9	Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) (Pindaan) 2007	Menetapkan kadar duti anti-lambakan 'Nil' untuk Sykt. Ajin Paper & Packing Co. Ltd. selaras dengan hasil siasatan MITI	22.3.2007	24.12.2006	PU(A)127
10	Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) 2007	Pindaan Jadual Pertama-Port Kastam "Minyak Beku, Batu Pahat". Mewartakan Jeti E.S.Ng Buiding Products Sdn. Bhd. Batu Pahat, Johor.	29.3.2007	31.3.2007.	PU(A)144
11	Akta Kastam (Pindaan) 2007 dan Penetapan Tarikh Permulaan Kuar kuasa	Menyediakan peruntukan berhubung Ketetapan Kastam dan penubuhan Tribunal Rayuan Kastam di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975.	1.4.2007	1.4.2007	PU(B)108




BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P. U.
12	Akta Eksais (Pindaan) 2007 dan Penetapan Tarikh Permulaan Kuatkuasa		1.4.2007	1.4.2007	PU(B)110
13	Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2007 dan Penetapan Tarikh Permulaan Kuatkuasa		1.4.2007	1.4.2007	PU(B)109
14	Akta Cukai perkhidmatan (Pindaan) 2007 dan Penetapan Tarikh Permulaan Kuatkuasa		1.4.2007	1.4.2007	PU(B)107
15	Peraturan-Peraturan Kastam (Ketetapan Kastam) 2007	Menyediakan peruntukan berhubung prosedur Ketetapan Kastam di bawah Peraturan-Peraturan berkaitan ekoran daripada pindaan kepada Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975.	5.4.2007	5.4.2007	PU(A)149
16	Peraturan-Peraturan Eksais (Ketetapan Kastam) 2007		5.4.2007	5.4.2007	PU(A)150
17	Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Ketetapan Kastam) 2007		5.4.2007	5.4.2007	PU(A)151
18	Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Ketetapan Kastam) 2007		5.4.2007	5.4.2007	PU(A)152
19	Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2007	Untuk mengecualikan CP ke atas perkhidmatan veterinar	22.3.2007	5.9.2006	PU(A)119
20	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)(Pindaan) (No. 2) 2007	Untuk memansuhkan permit (AP) bagi barangan dari Serbia dan Montenegro ekoran dari pemuliharaan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara berkenaan dan penarikan balik sekatan perdagangan oleh PBB.	11.5.2007 (Warta Khas)	23.1.2003	PU(A)187


BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.
21	Peraturan-Peraturan Zon Bebas (Pindaan) 2007	Untuk menghadkan pergerakan orang masuk keluar ke atau dari sesuatu zon perdagangan bebas tertentu, memberi kuasa kepada pihak berkuasa zon bebas mengena dan mengutip caj zon, menetapkan beban tanggungjawab keselamatan barang semasa dalam zon, meluaskan skop pengecualian orang dari peraturan-peraturan zon dan membolehkan penyerahan dokumen secara elektronik.	20.4.2007	20.4.2007	PU(A)166
22	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No.3) 2007	Untuk kawalan import ke atas beta-agonist yang digunakan sebagai bahan campuran dalam makanan binatang.	31.5.2007	31.5.2007	PU(A)208
23	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) (Pindaan) 2007	Untuk kawalan eksport ke atas beta-agonist yang digunakan sebagai bahan campuran dalam makanan binatang.	31.5.2007	31.5.2007	PU(A)207
24	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif di antara Kerajaan Negeri-Negeri Ahli Persatuan Negeri-Negeri Asia Tenggara dan Republik Korea) 2007	Untuk memenuhi komitmen negara di bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi ASEAN-Korea yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 13.12.2005.	31.5.2007	1.6.2007	PU(A)209
25	Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2007	Untuk menaikkan kadar duti eksais ke atas rokok yang diimport dan dikilang di dalam negara.	2.7.2007 (4 petang)	2.7.2007	PU(A)234




BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P. U.
26	Penetapan Tarikh Permulaan Kuatkuasa - Akta Kastam (Pindaan) 2007	Untuk pemberitahuan penetapan permulaan kuatkuasa penubuhan Tribunal Rayuan Kastam di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975.	31.5.2007	1.6.2007	PU(B)214
27	Penetapan Tarikh Permulaan - Akta Eksais (Pindaan) 2007		31.5.2007	1.6.2007	PU(B)215
28	Penetapan Tarikh Permulaan - Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2007		31.5.2007	1.6.2007	PU(B)216
29	Penetapan Tarikh Permulaan - Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2007		31.5.2007	1.6.2007	PU(B)217
30	Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan) 2007	Peraturan baru diwujudkan berbangkit daripada pindaan Akta-Akta di atas.	31.5.2007	1.6.2007	PU(A)210
31	Perintah Kastam (Bidang Kuasa Tambahan Tribunal Rayuan Kastam) 2007	Perintah baru diwujudkan berbangkit daripada pindaan Akta-Akta di atas.	31.5.2007	1.6.2007	PU(A)211
32	Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 2) 2007	Untuk mewartakan Jeti Pelabuhan Tanjung Langsung Sdn. Bhd., Johor sebagai "Tempat Pendaratan" yang sah.	5.7.2007	5.7.2007	PU(A)242
33	Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 3) 2007	Untuk mewartakan lapangan Terbang Pulau Redang, Terengganu bagi mengendalikannya kemasukan pelancong selaras dengan usaha kerajaan menjadikan pulau berkenaan sebagai destinasi pelancong.	19.7.2007	19.7.2007	PU(A)254




BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P. U.
34	Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) (Pindaan) 2007	Menyenarai Sykt. Newfield Malaysia Inc. dan Syarikat Newfield Sarawak Malaysia Inc. di bawah butiran 90 untuk aktiviti carigali industri petroleum.	14.6.2007	14.6.2007	PU(A)223
35	Perintah Duti Kastam (Pengecualian) (Pindaan) 2007	Menyenarai Sykt. Newfield Malaysia Inc. dan Syarikat Newfield Sarawak Malaysia Inc. di bawah butiran 107 untuk aktiviti carigali industri petroleum.	28.6.2007	28.6.2007	PU(A)229
36	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Di Bawah Program Early Harvest)(Perjanjian Perdagangan Bebas Antara Malaysia dan Republik Islam Pakistan)(Pindaan) 2007.	Untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan program early harvest yang sepatutnya tamat pada 31.3.2007 kepada 31.12.2007.	26.7.2007	31.3.2007	PU(A)257
37	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN)(Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata)(Pindaan)(No. 2) 2007	Untuk memenuhi komitmen Malaysia menghapuskan duti ke atas 80% produk CEPT.	9.8.2007	1.1.2007	PU(A)269
38	Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 4) 2007	Menubuhkan SM Inland Port Sdn. Bhd. di Tebedu, Bahagian Samarahan, Sarawak sebagai Depoh Pelepasan Pendalaman (ICD).	13.9.2007	13.9.2007	PU(A)309



BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P. U.
39	Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan)(Pindaan) 2007	Menambah peruntukan baru, iaitu Peraturan 23 berhubung dengan borang-boranyang ditetapkan.	15.8.2007	15.8.2007	PU(A)272
40	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) (Pindaan) (No. 2) 2007	Untuk memindahkan kuasa meluluskan pengeluaran Permit Eksport utk bahan galian dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kepada Kementerian sumber Asli dan Alam Sekitar.	20.9.2007	21.9.2007	PU(A)324
41	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)(Pindaan)(No. 5) 2007	Untuk meletakkan sisa plastik di bawah 'diskripsi' waste, parings, and scraps of plastics' di bawah Jadual I, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1998.	20.9.2007	1.10.2007	PU(A)323
42	Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2007	Kedua-dua Perintah memansuhkan duti import ke atas 'catheters'; 'spokes and needles' bagi kenderaan orang kurang upaya dan	24.9.2007	25.9.2007	PU(A)328
43	Perintah duti kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN)(Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata)(Pindaan)(No. 3) 2007	mengurangkan duti import ke atas 'surgical gowns' sejajar dengan perakuan J/Kuasa Penasihat Khas Berkenaan Tarif (SACT).			PU(A)329
44	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)(Pindaan)(No. 4) 2007	Meminda beberapa butiran di dalam "Borang Permohonan Untuk Lesen Import" (JK-69 Pin. 1/200) selaras dengan keputusan Mesyuarat Trade Facilitation Action Council 3/2006.	20.9.2007	1.10.2007	PU(A)322
45	Perintah Cukai Jualan (Pengecualian)(Pindaan)(No.2) 2007	Selaras dengan keputusan YB Menteri Kewangan untuk mengecualikan 'plastic pallets' (3923.90 000) daripada cukai jualan 10%.			PU(A)356



BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH K/KUASA	NOMBOR P.U.
46	Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)(Pindaan)(No.6) 2007	Memansuhkan permit import (AP) ke atas 29 barisan tarif mesin dan jentera. Melibatkan pemotongan butiran 34, 36 & 37 di bawah Jadual Kedua dan mengganti butiran 35 dengan yang baru. Pindaan sejajar dengan komitmen M'sia untuk menghapuskan halangan bukan tarif di bawah WTO.	23.10.2007	1.1.2008	PU(A)352
47	Perintah Kastam (Nilai-Nilai Kenderaan Motor Pasang Siap Yang Diimport)(Baru)(Pindaan)(No.2) 2007	Utk. kemaskini nilai beberapa model kenderaan sediada dan tetapkan nilai beberapa model yang baru.	22.11.2007	22.11.2007	PU(A)387
48	Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No.5) 2007	Mengkompositkan 16 borang Kastam yang mengandungi maklumat yang hampir sama menjadi 4 borang baru iaitu CJP No. 1, Jked No. 3, JKED No. 4 dan JKED No. 5.	31.12.2007	1.1.2008	PU(A)451
49	Peraturan-Peraturan Eksais (Pindaan) 2007	Mengkompositkan 16 borang Kastam yang mengandungi maklumat yang hampir sama menjadi 4 borang baru iaitu CJP No. 1, Jked No. 3, JKED No. 4 dan JKED No. 5.	31.12.2007	1.1.2008	PU(A)452
50	Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2007	Mengkompositkan 16 borang Kastam yang mengandungi maklumat yang hampir sama menjadi 4 borang baru iaitu CJP No. 1, Jked No. 3, JKED No. 4 dan JKED No. 5.	31.12.2007	1.1.2008	PU(A)453



BIL.	PINDAAN TERLIBAT	PENJELASAN	TARIKH WARTA	TARIKH KIKUASA	NOMBOR P.U.
51	Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No.2) 2007	Mengkompositkan 16 borang Kastam yang mengandungi maklumat yang hampir sama menjadi 4 borang baru iaitu CJP No. 1, Jked No. 3, JKED No. 4 dan JKED No. 5. dan memansuhkan <i>threshold</i> cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan profesional, perundangan dan pengurusan.	31.12.2007	1.1.2008	PU(A)454
52	Peraturan-Peraturan Eksais (membotol Dan Memindah Liquor Yang Memabukkan) (Pindaan) 2007	Mengkompositkan 16 borang Kastam yang mengandungi maklumat yang hampir sama menjadi 4 borang baru iaitu CJP No. 1, Jked No. 3, JKED No. 4 dan JKED No. 5.	31.12.2007	1.1.2008	PU(A)455

